

Program Bersama Sekolah Sempena Minggu Suai Mesra 2013/2014

Jane Edwin Ading

Minggu Suai Mesra (MSM) adalah minggu pertama pelajar-pelajar baharu berada di universiti ini. Pada Sesi 2013/2014, ia telah diadakan pada 1 hingga 8 September 2013. Antara aktiviti yang dijalankan semasa MSM adalah Pendaftaran Kolej Kediaman, Taklimat Universiti (Bahagian Perkhidmatan Akademik), Taklimat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Majlis Ikrar dan juga Program Besama Sekolah.



Program Bersama Sekolah adalah aktiviti di mana pelajar-pelajar baharu bagi sesebuah Sekolah tersebut akan bersama Sekolah selama sehari. Aktiviti ini dikendalikan oleh pihak Sekolah tersebut. Antara aktivitinya adalah pengenalan kepada pengurusan dan kakitangan Akademik/Pentadbiran/Makmal di Sekolah, taklimat daripada Dekan Sekolah, Timbalan Dekan (Akademik dan HEPA), dan Ketua Program serta lawatan ke makmal-makmal di Sekolah.

Program Bersama Sekolah dikendalikan oleh Persatuan Mahasiswa Sekolah dengan bantuan dan seliaan Sekolah iaitu Timbalan Dekan (Akademik dan HEPA).

